

Dua kenderaan bawa pekerja ke Bayan Lepas dan Perai terlibat dalam kemalangan

Nahas 2 bas kilang ragut 8 nyawa

Oleh NOOR HASLIZA NUSI dan SYALMIZI HAMID

SEBERANG PERAI — Lapan pekerja kilang wanita termasuk seorang warga tempatan terbunuh manakala 33 lagi cedera parah apabila sebuah bas kilang dirempuh bas kilang lain ketika berhenti di lorong kiri lebuh raya dalam kejadian di Kilometer 147, Lebuh Raya Utara-Selatan berhampiran Plaza Tol Juru di sini semalam.

Nahas pada pukul 5.55 pagi itu berlaku ketika kedua-dua bas tersebut dalam perjalanan menghantar pekerja ke kilang Sony di Perai manakala pekerja kilang Plexus di Bayan Lepas bagi memulakan kerja syif pagi.

Tragedi tersebut mengerikan apabila ada penumpang daripada kedua-dua buah bas itu ditemui bergelimpangan atas jalan, di bawah besi penghadang jalan dan sebahagian lagi tersepit di tempat duduk masing-masing. Jarak paling



ANGGOTA bomba memeriksa dua buah bas kilang yang terlibat dalam kemalangan di Kilometer 147 Lebuh Raya Utara-Selatan berhampiran Plaza Tol Juru semalam.



KEADAAN dua buah bas kilang terlibat dalam kemalangan di Lebuh Raya Utara-Selatan berhampiran Plaza Tol Juru semalam.

KOSMO MIS 2 25/10/2017

Indonesia di dalam bas membawa pekerja kilang Sony maut," kata beliau ketika dihubungi semalam.

Menurut beliau, mayat kesemua pekerja terbabit termasuk mereka yang cedera dihantar ke Hospital Seberang Jaya, Hospital Bukit Mertajam, Hospital Sungai Bakap dan Hospital Pu-



SARTIKA



NORIAH



YENI



SERLIA



RESNI

jarang. Jarak paling jauh mangsa tercapai dari bas yang dinaiki kira-kira empat meter.

Tujuh mangsa yang terbunuh membabitkan pekerja kilang Sony. Mangsa-mangsa ialah Serlia, 21, Tumangger Resni, 22, Yeni, 20, Sartika Pasaribu, 19, Wami Windasih, 19, Faridah, 18, dan Titik Katinengsih, 23.

Seorang lagi pekerja kilang Plexus iaitu Noriah Kasa, 40.

Norihah bersama 15 rakan sekerjanya yang juga warga tempatan menaiki bas kilang bernombor pendaftaran JGX 6099 dari kediaman mereka di Bagan Serai dan Parit Buntar, Perak.

Sebuah lagi bas bernombor pendaftaran PBD 6650 membawa 40 pekerja terdiri daripada pekerja kilang warga Indonesia dan Nepal. Pekerja warga asing itu menaiki bas dari Nibong Tebal di Seberang Perai Selatan.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, sebelum kejadian, bas yang membawa pekerja kilang Sony didakwa berhenti di lorong kiri lebuh raya selepas mengalami kerosakan enjin.

"Sebuah lagi bas yang membawa pekerja kilang Plexus dikatakan gagal mengelak lalu melanggar bahagian belakang tepi bas pekerja kilang Sony yang sedang berhenti.

"Rempuhan itu menyebabkan seorang pekerja kilang Plexus iaitu Noriah dan tujuh pekerja



SHOKI



AZHAN

lain Pinang. Ekoran kemalangan itu, kata beliau, polis menahan reman kedua-dua pemandu bas berketurunan India berusia 23 dan 37 tahun empat hari mulai semalam.

"Polis menunggu laporan ujian saringan air kencing dan sampel darah ke atas kedua-dua pemandu bas terbabit," jelas beliau.

Mengulas lanjut, Nik Ros Azhan memberitahu, pemandu bas

kilang Sony didapati mempunyai tiga waran tangkap atas kesalahan tiada lesen memandu, tidak mematuhi lampu isyarat dan tidak memakai tali pinggang.

Bagaimanapun, pemandu bas kilang Plexus tiada saman.

Sementara itu, Timbalan Pengerah Bomba dan Penyelamat negeri, Mohamad Shoki Hamzah berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung nahas itu pada pukul 6.02 pagi dan tiba ke lokasi kejadian kurang lima minit kemudian.

"Sebaik tiba di lokasi kejadian, kita menemui tiga mangsa yang tersepit di tempat duduk di dalam bas kilang Sony.

"Kelapan-lapan mangsa ditemui maut di tempat kejadian termasuk warga tempatan," kata beliau.

SEBAHAGIAN pekerja kilang dari dua buah bas yang terlibat dalam kemalangan di Kilometer 147 Lebuh Raya Utara-Selatan berhampiran Plaza Tol Juru semalam.

INFO Nahas dua buah bas kilang di Pulau Pinang



- 1 Bas membawa pekerja kilang Sony berhenti di lorong kiri lebuh raya akibat enjin rosak.
- 2 Bas membawa pekerja kilang Plexus rempuh bas berhenti di lorong kiri
- 3 Rempuhan itu menyebabkan lapan terbunuh iaitu tujuh pekerja kilang Sony dan seorang membabitkan pekerja kilang Plexus



INFO Senarai mangsa terbunuh

Penumpang bas JGX 6099 (Bawa 16 pekerja kilang Plexus)

1. Noriah Kasa, 40 (Malaysia)
Alamat: No.24, Parit Sungai
Dungun, Bagan Serai, Perak

Penumpang bas PBD 6650 (Bawa 40 pekerja kilang Sony)

2. Tumangger Resni, 22 (Indonesia)
3. Serlia, 21 (Indonesia)
4. Yeni, 20 (Indonesia)
5. Sartika Pasaribu, 19 (Indonesia)
6. Wami Windasih, 19 (Indonesia)
7. Faridah, 18, (Indonesia)
8. Titik Katinengsih, 23 (Indonesia)